

Kayveas sedia letak jawatan

JAM 2 8 JAN 2003
PETALING JAYA 27 Jan. — Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M. Kayveas sedia meletak jawatan dalam kerajaan bagi membolehkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan menggantikan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, membentuk barisan pemimpin kerajaan yang baru.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu berkata, beliau bersedia untuk meletak jawatan tersebut dan PPP pula bersedia menerima apa sahaja keputusan Abdullah.

“Jawatan dalam kerajaan bukan sesuatu yang boleh diminta, ia diberikan kepada mereka yang layak, ada kualiti dan mampu memberi perkhidmatan kepada rakyat,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Sebelum itu, Kayveas menyaksikan penyerahan kelengkapan kitar semula bernilai RM63,046.34 dari Kerajaan Jepun dan melancarkan Pusat Kitar Semula Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO).

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri yang menyambut baik kesediaan beberapa pemimpin UMNO dan Barisan Nasional (BN) untuk berundur dan tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.